

Perspektif Kakitangan Hospital Terhadap Hukuman Hudud

(Hospital Staff Perspectives on Hudud Punishment)

Dr Azarudin Bin Awang¹, Dr Azman Che Mat², Siti Nurfaeidz Ramli³

¹Pensyarah Kanan di Akademi Kontemporari Pengajian Islam, Universiti Teknologi Mara Terengganu, azaru154@uitm.edu.my

²Profesor di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara Terengganu.
Universiti Teknologi Mara Terengganu, azman531@uitm.edu.my

³Kakitangan di Hospital Hulu Terengganu

Abstrak

Hukuman hudud merupakan hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T untuk digunakan sebagai panduan kepada para pemerintah di negara Islam dalam mengadili kes-kes yang melibatkan jenayah. Pada tahun 2015, kerajaan negeri Kelantan mengusulkan dan meluluskan untuk melaksanakan undang-undang ini dan hasrat yang serupa juga ingin dilaksanakan oleh kerajaan negeri Terengganu. Perihal ini menimbulkan pelbagai persepsi negatif dan positif sama ada dalam kalangan masyarakat Muslim atau bukan Muslim di Malaysia. Kajian ini adalah bersifat kajian bertujuan (*purposive sampling*) dan objektif kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji persepsi penjawat awam khususnya dalam kalangan kakitangan hospital di negeri Terengganu terhadap pelaksanaan hukuman hudud di negara ini. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan kepada kakitangan hospital Hulu Terengganu. Data-data diukur dengan IBMSPSS 20 dengan menggunakan min, peratus dan kekerapan bagi menerangkan hasil kajian. Hasil kajian mendapati kebanyakkhan responden berpandangan hukuman hudud wajar dilaksanakan dengan tujuan menggerunkan penjenayah. Justeru, kajian ini juga berperanan bagi menjelaskan bagi menolak dakwaan bahawa hukum hudud tidak relevan dilaksanakan pada masa kini.

KATA KUNCI: Perspektif, Kakitangan Hospital, Terengganu, Hukum, Hudud

Abstract

Hudud Law is a punishment prescribed by Allah s.w.t to be used as a guide to Muslim countries governments in prosecuting cases involving crimes. In 2015, the government of Kelantan proposed

and approved for the implementation of this law and the same intention is also to be implemented by the government of Terengganu. This issue has raised various negative and positive perceptions among the Malaysian Muslim or non-Muslim. This study used purposive sampling to investigate the perception of civil servants, especially among hospital staff in Terengganu specifically in its implementation. This study distributed a total of 200 self-administered questionnaires to hospital staff Hulu Terengganu. The data analysis employed IBMSPSS 20 to obtain mean, percentage and frequency to elaborate the findings. The study found that most of the respondents viewed that Hudud should be implemented with the aim to prevent formidable criminals. Thus, this study also serves to reject the claim that the Hudud law is not relevant for implementation in the future.

KEYWORDS: *Perspective, Staff Hospital, Terengganu, Punishment, Hudud*

PENDAHULUAN

Gagasan pelaksanaan hukuman hudud di Malaysia pada kebelakangan ini diusik dengan pelbagai bentuk polemik. Pada satu pihak berpandangan bahawa permasalahan isu hudud dicorakkan atas dasar sentimen semangat politik. Manakala pada pihak yang lain melihat perlombagaan Malaysia mestilah berunsurkan Islam kerana agama Islam adalah agama persekutuan. Apa yang pasti, realiti yang harus diambil kira dalam pelaksanaan hudud dalam konteks negara Malaysia pada hari ini ialah hukuman ini diperjuangkan menerusi proses demokrasi, dan mengikut kerangka perlombagaan negara. Selain itu ia juga perlu diperjuangkan di tengah masyarakat majmuk, dan dalam suasana wujudnya masalah *al-jummiyyat al-diniyyah* atau gejala “buta agama” yang cukup fundamental.

Kelahiran Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) telah membuaikan polemik melalui penerbitan beberapa buah buku kecil. Di antaranya ialah buku kecil berjudul "Jawapan Kepada Beberapa Kekeliruan Tentang Hudud" suntingan Wan Nik Wan Yussof yang diterbitkan oleh Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1995; dan buku kecil berjudul "Isu Hudud: Hj. Abdul Hadi Jawab Mahathir" yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan PAS Pusat (JPPP), 1994. Berpandukan judul buku terbitan 1994 itu, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad tergolong di dalam para pengkritik Hudud Kelantan 1993. Manakala YB Abdul Hadi Awang, Timbalan Presiden PAS, tergolong di dalam para pembela dan pendukung Hudud Kelantan 1993. (Mohd Noor 2014). Begitu juga, semasa negeri Terengganu diterajui oleh PAS (1999-2004), Dewan Undangan Negeri Terengganu telah memperkenalkan satu draf enakmen yang diberi nama Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas). Draf enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 7 Julai 2002, sekaligus menjadikan Terengganu negeri kedua di Malaysia yang mempunyai undang-undang berkaitan dengan kesalahan hudud dan qisas selepas Kelantan. Sebaik sahaja draf enakmen ini diperkenalkan dan dibahaskan di peringkat DUN, negeri Terengganu telah mendapat liputan meluas media arus perdana, baik media cetak atau media elektronik. Pelbagai pihak telah memberi reaksi yang berbeza. Ada pihak yang bersetuju dan tidak kurang juga yang membangkang (Zulkifli et al. 2008). Sehingga kini, komentar ini ditonjolkan lagi melalui penulisan di dada-dada akhbar misalnya kenyataan dalam akhbar Harakah hasil tulisan wartawan (Salmah binti Mat Husain 2011) yang bertajuk "*Tolak Syariah Umpama Nafi Kebijaksanaan Allah*", tulisan wartawan (Utusan Malaysia

2014) bertajuk "*Tetap laksana hudud tahun depan*" dan keratan akhbar Sinar Harian keluaran tahun 2015, yang bertajuk "*Bicara Mindu : Hudud Dari Pandangan Hadi*" yang memperlihatkan isu tentang hudud sentiasa mendapat tempat dalam kalangan ahli politik, akademik dan masyarakat awam. Tidak hairanlah isu-isu tentang hudud ini acap kali di bentang pada oleh ahli-ahli akademik bagi merungkai permasalahan yang timbul. Termasuk di sini badan-badan politik dan NGO bukan Muslim membahaskan isu tentang hudud misalnya MCA pernah menganjurkan seminar yang bertajuk "Apa Yang Anda Tahu Mengenai Hukum Hudud". (The Star, 2 Jun 2014), tulisan Helen Tin (2016) "*The Politics of Hudud Law Implementation in Malaysia*" dan kajian yang dilakukan oleh Steiner (2018) "*Malaysia at the crossroads? The never-ending discourse between Islam, law, and politics*" yang mengkritik cadangan pelaksanaan hukuman ini dalam konteks dalam masyarakat majmuk. Malah kumpulan G25 iaitu kelompok yang memperjuangkan agar autoriti agama Islam di Malaysia diteliti semula mengemukakan beberapa tuntutan yang dianggap mencabar kredibiliti agama Islam dan kuasa autoritinya di Malaysia (Nur Farhana Abdul Rahman dan Nur Solehah Shapiee 2018).

Berdasarkan kenyataan di atas, didapati bahawa perbincangan awam (*public discourse*) tentang isu hudud terbahagi kepada dua iaitu kumpulan yang menyatakan 'Malaysia bukan negara Islam dipelopori oleh PAS' dan 'kumpulan yang menyatakan Malaysia adalah negara Islam dipelopori oleh UMNO dan non Partisan'. Hasrat Kerajaan Kelantan sendiri untuk mengemukakan Rang Undang-Undang Persendirian ke Parlimen telah ditangguhkan berikutan keputusan Kerajaan Pusat yang bersedia untuk mengkaji dengan lebih lanjut potensi pelaksanaan hudud ini dengan menubuhkan jawatankuasa yang akan mengkaji perkara ini (Siti Zubaidah 2014). Justeru, isu yang berkaitan hukuman hudud merupakan polemik yang telah mengheret ahli politik sehingga kehadiran kepada orang awam kepada pelbagai pandangan, persepsi dan dimensi. Dalam kata yang lain, isu hudud telah menjadi suatu isu nasional yang telah menyebabkan masyarakat sama ada kelompok non-Muslim, kakitangan kerajaan dan badan-badan NGO mula memberi perhatian untuk memahami dan mengkaji signifikan pelaksanaan hukuman hudud di Malaysia. Oleh yang sedemikian, amatlah wajar satu kajian dilakukan untuk mengurai dan mengkaji bagaimana persepsi dan sejauh mana kefahamanan serta penerimaan dalam kalangan kakitangan kerajaan di Malaysia.

Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan rujukan serta garis panduan dalam memahami sejauhmanakah manakah penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan hukuman hudud khususnya dari kalangan penjawat awam. Biarpun begitu, kajian ini hanya memberi fokus kepada kakitangan kerajaan yang berkhidmat di hospital Hulu Terengganu.

KONSEP HUKUMAN HUDUD

Hudud ialah kata jama' bagi perkataan 'had', pada bahasa bermakna menahan atau mencegah (Mustafa et al. 1989) manakala Ibnu Manzur (2001) dalam Lisan al-Arab menyatakan Had sebagai 'pemisah' antara kedua perkara agar keduanya tidak bercampur atau tidak bertembung. Kamus Dewan (2010) menyatakan hudud merupakan jamak bagi had yang bermaksud batasan atau peraturan yakni hukum yang telah ditetapkan oleh Allah yang tidak boleh berubah-ubah seperti hukum zina, murtad dan minum arak.

Dari segi istilah syarak merupakan hukuman yang telah ditetapkan kadarnya dan ia adalah hak Allah Taala (Wahbah 1988). Justeru, prinsip utama hukuman hudud ialah pertamanya mestilah berteraskan kepada ‘kadar’ sebagaimana mengikut syarak Ilahi dan keduanya hendaklah meletakkan unsur-unsur menjaga kepentingan, kebijakan; dan menolak sebarang keburukan kepada mangsa. ‘Audah (1992) menyatakan disebabkan fungsinya sebagai hak Allah, maka hukuman ini tidak boleh ditarik balik atau diubah sama ada oleh individu atau kumpulan. Manakala al-Qarafi (1925) menyatakan hak Allah sebagai sesuatu perkara yang manusia tidak berhak untuk menggugurnyanya. Bagi Imam al-Mawardi, hudud merupakan satu hukuman yang mampu menakutkan yang ditentukan oleh Allah SWT. untuk mencegah seseorang daripada melakukan perkara yang terlarang atau cuai (tidak melakukan) terhadap perkara yang diperintahkan (Muhammad 1989). Berdasarkan definisi awal di atas, dapat dinyatakan bahawa hudud merupakan kesalahan jenayah yang menggugat perpaduan manusia amnya dan faedah hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah boleh mengembalikan keharmonian kepada masyarakat. Justeru hukuman yang ditentukan itu adalah hak Allah Taala bagi menjaga kemaslahatan awam.

Menurut Mohd Nizam (2018) hudud merupakan salah satu kesalahan jenayah yang dipopularkan oleh ulama Islam klasik. Kesalahannya meliputi berzina, mencuri, meminum arak, menuduh zina (qadzhaf), menyamun, memberontak, dan murtad. Kesalahan-kesalahan hudud merupakan hak Allah yang dilarang dilakukan oleh manusia sebagaimana firmanNya dalam surah al-Baqarah ayat 229 yang bermaksud “*itulah hukum-hukum (hak-hak) Allah, maka janganlah kamu melanggarinya*”. Bahkan dalam surah Al-Ahzab ayat 62 dinyatakan bahawa perundangan yang didasarkan kepada perundangan Allah ini tidak boleh diubah, ditambah atau dikurangi. Di Malaysia, biarpun terdapat peruntukan kesalahan seperti persetubuhan luar nikah, minum minuman yang memabukkan, qazaf atau sebagainya yang berupa kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman hudud menurut fiqh Islam, namun hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang berkenaan masih belum menyamai kesiksaan hudud yang sebenar. (Siti Zubaidah 2014)

Mansor (2011) menyatakan bahawa hukuman hudud merupakan satu ketetapan Ilahi yang digunakan bagi membasi jenayah-jenayah yang memberikan kesan buruk yang amat besar kepada masyarakat di samping wujud pada sepanjang zaman disebabkan ia suatu yang lahir daripada tabiat yang dimiliki manusia sepanjang zaman. Berdasarkan kepada keadaan ini, hukuman hudud ditetapkan Allah dengan hukuman yang bersifat berat. Biarpun dianggap sebagai berat, konsep hukum melibatkan penghukuman yang dibuat berdasarkan satu skil yang dianggap luhur dan dianjurkan menerusi panduan agama. Hukuman hudud, sesudah penelitian yang amat berhati-hati dan tidak terdapat keraguan munasabah berfungsi menjadi garis panduan kepada prosedur-prosedur membuktikan kesalahan sesuatu jenayah. Secara umumnya hukuman hudud dilihat sebagai hukuman yang bertujuan memelihara maslahah bagi membentuk masyarakat yang baik. Bagi tujuan yang sama Islam meletakkan syarat-syarat yang ketat dalam menerima apa saja keterangan baik berupa saksi, pengakuan atau bukti keadaan (qarinah) meskipun dalam konsep biasa kaerah-kaerah seperti ini merupakan kaerah-kaerah yang kukuh. Selain daripada itu, Islam juga membuka ruang bagi perkembangan kaerah pembuktian ini dengan menerima pengetahuan Hakim sendiri, dokumen, pendapat pakar dan sumpah sebagai bahan bukti yang layak diterima. (Paizah 2008)

Sejarah pelaksanaan awal undang-undang Islam di negeri Terengganu dapat dibuktikan daripada perundangan ini telah diamalkan di Prasasti Terengganu bertarikh 14 Rejab 702H bersamaan 22 Februari 1303M. Di dalam prasasti itu juga diperuntukkan beberapa peraturan

berhubung dengan undang-undang jenayah, urusniaga dan pentadbiran. (Mohd Hashim et al. 2010). Biar pun sebahagian maklumat kurang lengkap, namun prasasti menjelaskan pelaksanaan hukuman hudud telah dilaksanakan pada zaman awal Islam di negeri Terengganu. Justeru, Rahimin et al. (2010) menyatakan sebagaimana berikut “Ia membabitkan 9 atau 10 hukum dalam bidang (a) mu’amalat – tentang hutang piutang, undang-undang keterangan, hukuman kerana enggan membayar denda atau mlarikan diri daripada hukuman dan (b) hukuman bagi kesalahan zina”. Pada zaman penjajahan Inggeris, undang-undang Islam hanya terbatas kepada aspek-aspek yang menyentuh persoalan nikah dan cerai, larangan tidak melaksanakan solat Jumaat bagi lelaki, undang-undang mencegah khalwat, larangan makan di khayak ramai pada bulan puasa, peraturan kadi dan undang-undang yang berkaitan Baitul Mal (Zaini 2004). Ini menunjukkan pelaksanaan undang-undang Islam pada zaman penjajahan Inggeris langsung tidak memperuntukkan aspek-aspek yang berkaitan tentang hukuman hudud. Bertitik tolak daripada kewujudan undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak 1952 yang diperkenalkan di negeri Selangor. Akhirnya setiap negeri telah mengadakan enakmen Pentadbiran Hukum Syarak masing-masing termasuk di negeri Terengganu. Biarpun begitu, kandungannya hanya menyentuh penubuhan Majlis Agama Islam, perlantikan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa, undang-undang Islam berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian, nafkah, penjagaan anak, keterangan, prosedur jenayah dan sivil, perwarisan, pembahagian harta sepencarian, wakaf dan nazar, zakat dan fitrah dan Baitulmal, pengurusan masjid, pemelukan agama Islam, wasiat dan beberapa kesalahan matrimoni dan kesalahan yang boleh dihukum takzir (Abdul Monir 2009). Apa yang nyata, perkara yang menyentuh kesalahan jenayah hudud tidak dimasukkan di dalam enakmen ini.

Selanjutnya, cadangan Kerajaan Negeri Terengganu (di bawah pemerintahan PAS) untuk melaksanakan hukum hudud juga turut menimbulkan pelbagai reaksi dari masyarakat. Bagi Kerajaan Negeri Terengganu (semasa di bawah pemerintahan PAS), pendirian yang diambil berhubung dengan pelaksanaan hukum hudud ini adalah kerana beberapa sebab. Pertamanya, kerana ia adalah merupakan hukum Allah. Pelaksanaan hukum hudud ini juga dapat memastikan keselamatan dan keharmonian dalam masyarakat. Masyarakat akan selamat dari jenayah dengan pelaksanaan undang-undang ini. Meskipun, hukum hudud dilaksanakan di negeri Terengganu, ia tidak akan menimbulkan ketidakadilan kepada rakyat yang beragama lain kerana mereka bebas untuk memilih undang-undang yang akan terpakai ke atas mereka. Pandangan ini disokong oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) Islam yang menegaskan bahawa isu pelaksanaan hukum hudud di negara ini memerlukan pertimbangan yang wajar, objektif, jujur dan tanpa prasangka oleh semua pihak. Ia perlu dinilai berdasarkan kepada semangat dan tujuan murni agar kewajipan serta tanggungjawab melaksanakan hukum ini menjadi realiti. (Zulkifli et al. 2008)

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa penulisan dan kajian ilmiah yang telah dihasilkan oleh beberapa penulis dalam bentuk buku, jurnal, penulisan tesis dan sebagainya. Antaranya kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif yang dilakukan oleh Munirah Hamzah dan Hussin Salamon (2012) yang bertajuk “Persepsi Penghuni Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah Terhadap Perlaksanaan Hukuman Hudud Ke Atas pesalah Laku Zina”. Kajian juga mendapati tahap responden kefahaman terhadap hukuman hudud adalah tinggi iaitu min 3.75. Kebanyakkannya kes zina yang berlaku dalam kalangan remaja adalah faktor pergaulan dengan rakan sebaya iaitu min 3.16. Bagi mengekang kes zina, responden majoriti bersetuju (min 4.30) agar hukuman hudud dilaksanakan bagi kes-kes yang

berkait dengan zina. Manakala kajian kuantitatif yang dilakukan oleh Syed Mohd Azmi et al. (2008) yang bertajuk “Pandangan Masyarakat Islam Terengganu Terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariat (Hudud dan Qisas) 2002” mendapati tahap keyakinan terhadap pelaksanaan hukuman ini adalah tinggi meskipun dalam kalangan responden majoritinya tidak arif terhadap undang-undang tersebut. Pengkaji mencadangkan agar pendidikan tentang undang-undang Islam wajar diberi fokus agar masyarakat lebih memahami dengan lebih mendalam. Selanjutnya kajian kuantitatif yang dilakukan oleh Junaidi et al. (2003) yang bertajuk “Sikap Pelajar Terhadap Pelaksanaan Undang-undang Islam Di Malaysia. Kajian Ke Atas Pelajar Bukan Muslim Di Fakulti Pendidikan, UTM” mendapati pelajar bukan Muslim kurang memahami tentang pelaksanaan undang-undang Islam. Responden masih memerlukan penerangan dan penjelasan mengenainya. Justeru, penyelidik mencadangkan agar penerangan perlu ditingkatkan berkenaan pelaksanaan undang-undang Islam (Hudud dan Qisas) di Malaysia agar komuniti bukan Muslim lebih memahami undang-undang itu dengan lebih baik. Selanjutnya kajian dokumen yang dilakukan oleh Che Latifah et al. (2008) yang bertajuk “Jenayah Syariah Di Kalangan Remaja Negeri Perlis” mendapati hukuman yang dikenakan bagi pesalah-pesalah jenayah hanyalah melibatkan denda dengan jumlah tertentu disamping amaran dan kaunseling. Penyelidik mencadangkan agar pihak berkuasa memainkan peranan yang lebih agresif bagi membendung jenayah ini dengan menambahkan bilangan kakitangan dan melaksanakan hukuman yang lebih keras.

Selain daripada itu, terdapat beberapa artikel persidangan yang telah ditulis oleh pengkaji lepas antaranya “Himpunan Kertas Kerja Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014” sempena Program Dakwah Negara anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia hasil suntingan Asyraf Wajdi Dusuki. Buku ini menghimpunkan 9 kertas kerja yang sarat dengan kupasan-kupasan mengenai perspektif hudud mengikut al-Quran dan al-Sunnah, Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia Ditinjau dari Perspektif Maqasid Syariah, Keadilan Hudud dan Pelaksanaannya Menurut Pandangan Mazhab Fiqh, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M, Penggubalan Undang-undang Hudud di Brunei dan Malaysia: Masalah Yang Berlainan, Hudud dari Perspektif Perlembagaan dan Undang-undang, Hudud Satu Perbincangan: Tanggapan, Suasana dan Keberkesanan dan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam (Hudud, Qisas, Takzir) di Malaysia – Prospek dan Cabaran. Apa yang boleh dinyatakan bahawa tulisan-tulisan di atas bersifat umum

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas yang mengupas tentang tahap pengetahuan dan kefahaman terhadap konsep hukum hudud dalam kalangan komuniti Muslim berada pada tahap yang tinggi sebaliknya bagi komuniti Muslim ia berada tahap yang tidak menggalakkan. Biarpun begitu, terdapat segelintir responden Muslim yang amat rendah pengetahuannya tentang hukum. Perkara yang membezakan kajian di atas dengan kajian penulis adalah dari segi pemilihan responden. Responden kajian ini terdiri daripada kakitangan awam yang bekerja dalam pelbagai profesi di Hospital Hulu Terengganu pelbagai jantina dan bangsa yang bekerja di jabatan ini. Kajian ini juga hanya memfokuskan kepada persepsi dan sikap kakitangan itu sendiri terhadap hukum Hudud. Kajian yang dilakukan oleh Husain et al. (2006) menunjukkan 39.4% sahaja dalam kalangan bersetuju hukuman hudud dillaksanakan di Malaysia manakala 30.4% menyatakan sekiranya tiada pilihan dan 30.2% menyatakan tidak bersetuju. Kajian ini dilihat begitu signifikan kepada hala tuju pelaksanaan hukuman hudud di negeri Terengganu. Ini adalah kerana, parti Islam SeMalaysia (PAS) negeri Terengganu juga turut berharap agar pelaksanaan Hukum Hudud dapat direalisasikan sebagaimana yang termaktub di dalam syariat Islam. Biarpun begitu, pelbagai halangan daripada

pihak-pihak tertentu mewajarkan harapan untuk pelaksanaan hukuman hudud perlu diperjuangkan dengan lebih hebat lagi. Ini termasuklah aspek-aspek yang melibatkan kefahaman, persepsi dan sikap masyarakat setempat terhadap hukuman hudud.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan kaedah atau teknik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Kajian yang akan dijalankan ini merupakan kajian deskriptif dan berbentuk kuantitatif, iaitu menggambarkan sesuatu fenomena yang berlaku. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk soalan kaji selidik kepada responden. Kajian lapangan ini, dilakukan dalam persekitaran semula jadi dan situasi yang “realistik”. Soalan kaji selidik telah disediakan dan setiap responden diberikan soalan secara rawak melalui soalan kaji selidik yang dijalankan ke atas 200 responden daripada 348 orang kakitangan Hospital Hulu Terengganu yang terdiri daripada pelbagai kategori jawatan sama ada dalam kategori profesional, kumpulan sokongan satu mahupun kumpulan sokongan dua bertujuan untuk mendapatkan pandangan responden. Seramai 171 orang daripada 200 responden yang telah memberi maklumbalas berkaitan dengan soalan yang diberikan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan soal selidik sebagai alat untuk mengumpul data. Populasi kajian berjumlah 348 orang semuanya melibatkan tiga kategori, iaitu professional, sokongan dua dan sokongan satu. Jumlah ini sudah mencukupi dengan saiz sampel sebagaimana yang dinyatakan oleh Cohen et al. (2007) jika saiz sampel $n=350$, maka sampel penelitian minima sewajarnya 153 orang. Untuk kajian ini, satu instrumen kajian telah dibina untuk mendapatkan data iaitu soal selidik dianalisis menggunakan pengatucaraan komputer “Statistical Package for Social Science” (SPSS). Pemilihan perisian ini kerana ia dapat memenuhi hampir semua teknik pemprosesan dan penganalisisan data bersesuaian dengan objektif sesuatu penyelidikan yang dijalankan (Mohd Majid Konting 2000). Kajian ini menggunakan nilai min untuk melihat tahap kesemua pembolehubah. Perisian ini juga boleh menyimpan data, mendapatkan kembali data yang disimpan, mengolah dan mengubah data, mengira statistik dan seterusnya membina laporan dengan mudah (Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir 2001).

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan hukum hudud dan sikap di dalam kalangan kakitangan Hospital Hulu Terengganu. Ia diukur dengan menggunakan min (Mohd Najib 2003) seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Tahap Penilaian Min

Bil	Tahap Penilaian Min	Skala
1	1.00 – 2.33	Rendah
2	2.34 – 3.66	Sederhana

3	3.67 – 5.0	Tinggi
---	------------	--------

i. Demografi Responden

Jadual 2: Taburan Kekerapan dan Peratusan

Perkara	Item	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	50	29.2%
	Perempuan	121	70.8%
Bangsa	Melayu	167	97.7%
	Cina	3	1.8%
	Lain-Lain	1	0.6%
Pendidikan Awal	Pondok	1	0.6%
	Sekolah Kebangsaan	155	90.6%
	Sekolah (J) Kebangsaan	15	8.8%
Kelayakan Akademik	PMR	8	4.7%
	SPM	45	26.3%
	STPM/Sijil/Diploma	86	50.3%
	Ijazah Sarjana Muda	30	17.5%
	Ijazah Sarjana	2	1.2%
Kategori Jawatan	Profesional	32	18.7%
	Sokongan 2	71	41.5%
	Sokongan 1	68	39.8%

Berdasarkan jadual Taburan Kekerapan dan Peratusan di atas, jumlah 29% adalah responden lelaki dan 71% adalah responden perempuan. Hasil kajian juga menunjukkan jumlah responden perempuan melebihi jumlah responden lelaki. Ini menunjukkan bahawa lebih ramai kakitangan perempuan berbanding kakitangan lelaki yang bekerja di Hospital Hulu Terengganu pada tempoh kajian. Bangsa Melayu menunjukkan bilangan tertinggi iaitu 97.66%, diikuti dengan bangsa cina sebanyak 1.75% dan lain-lain 0.59%. Responden mendapat pendidikan awal di peringkat pondok menunjukkan bilangan paling rendah iaitu 0.6% sahaja, berbeza dengan pendidikan di sekolah kebangsaan yang menunjukkan taburan kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 90.6% dan sekolah jenis kebangsaan 8.8%. Manakala taburan kekerapan dan peratusan mengikut kelayakan akademik pula, responden yang mempunyai kelayakan di peringkat STPM/ Sijil/ Diploma merupakan jumlah yang paling tinggi dengan peratus sebanyak 50%, jauh berbeza dengan

kelayakan PMR sebanyak 5% dan Ijazah Sarjana/ Master 1% serta di tahap sederhana pula iaitu kelayakan akademik di tahap SPM sebanyak 26% dan Ijazah Sarjana Muda 18%. Responden yang dikategorikan sebagai kumpulan sokongan 2 mendominasi taburan kekerapan dengan peratus sebanyak 41.5%, diikuti dengan kumpulan sokongan 1 sebanyak 39.8% dan kumpulan professional dengan taburan kekerapan sebanyak 18.7%.

ii. Persepsi Responden Terhadap Hukum Hudud

Jadual 3: Persepsi Terhadap Hukum Hudud

Bil	Perkara	Min
1	Hukum hudud merupakan hak Allah	4.76
2	Hukum hudud mudah difahami	4.12
3	Hudud merupakan perintah daripada Allah SWT	4.73
4	Hudud terpakai untuk orang Islam sahaja	4.11
5	Hudud wajib dilaksanakan	4.54
6	Hudud merupakan undang-undang Islam	4.74
7	Hudud adil untuk semua lapisan masyarakat	4.38
8	Hudud boleh dipinda	2.32
9	Hudud ada diterangkan dalam al-Quran Dan al-Sunnah	4.63
10	Hudud melibatkan kesalahan zina, mencuri, minum arak, qazaf dan murtad	4.42
11	Hudud pernah dilaksanakan di Arab, Sudan, Iran Dan Brunei	3.95
12	Hudud berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri	3.61
13	Undang-undang Islam di bawah bidang kuasa kerajaan negeri mestilah konsisten dengan perlombagaan persekutuan Malaysia	3.70
14	Tiada peruntukan undang-undang yang diberikan oleh perlombagaan persekutuan kepada kerajaan pusat	3.22
15	Kuasa majoriti yang dimiliki kerajaan pusat boleh digunakan untuk meminda undang-undang sebagai kuasa kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan undang-undang syariah termasuk hudud	3.46

Implikasi kefahaman menjadi pokok pada persoalan pelaksanaan hukuman hudud apabila kita meninjau demografi kepelbagaiannya pemikiran politik di Malaysia amnya dan negeri Terengganu khususnya. Ia membawa kepada persoalan yang lebih penting, iaitu adakah kemungkinan tahap kefahaman dalam kalangan komuniti Muslim khususnya kakitangan kerajaan

berada pada tahap ‘belum bersedia’. Merujuk kepada jadual 3 di atas, didapati bahawa tahap pengetahuan hukum hudud dalam kalangan kakitangan Hospital Hulu Terengganu bagi item 1 hingga 7, item 9 hingga 11 dan item 13 berada pada tahap tinggi (Mohd Najib 2003) dengan nilai min tinggi sebanyak 3.67 ke atas. Biarpun negeri Terengganu masih belum melaksanakan hukuman hudud, tahap pengetahuan kakitangan tinggi terhadap konsep hukuman hudud memberi isyarat kepada kerajaan bahawa isu tentang kefahaman hukum hudud bukanlah menjadi permasalahan pokok dalam pelaksanaan hukuman hudud di negeri Terengganu. Dengan demikian dapatan ini agak berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Husain et.al (2006) yang mendapati 30.2% daripada responden tidak bersetuju pelaksanaan undang-undang hudud di Malaysia. Boleh dikatakan faktor Muslim sebagai komuniti yang majoriti di negeri Terengganu menyumbang kepada pemahaman yang tinggi terhadap konsep hukuman hudud. Biarpun begitu, terdapat juga item yang memperlihatkan darjah kefahaman responden berada pada tahap yang rendah dengan nilai min sebanyak 2.32. Ini menunjukkan dalam kalangan responden melihat hukuman hudud adalah seperti mana undang-undang yang dihasilkan oleh Perlembagaan Persekutuan yang sememangnya boleh dipinda dengan suara yang majoriti dalam parlimen.

Hukuman hudud merupakan komponen yang terkandung dalam disiplin ilmu tentang jenayah (*jinayah*). Manakala ilmu jenayah bersama-sama disiplin ilmu lain seperti ibadat, muamalah dan munakahat melengkapinya cara hidup sebagai seseorang Muslim (*the complete way of life*) yang sempurna. Justeru, kesedaran, kefahaman dan pengetahuan seseorang Muslim terhadap konsep syariat ini termasuk dari sudut hukum adalah satu hasrat yang sihat. Perlu dingatkan bahawa kesempurnaan Islam itu wujud melalui proses kesepaduan, dengan nilai syariat (termasuk hukum hudud) yang sangat berkait rapat dengan nilai aqidah. Justeru, dalam melihat hasil dapatan yang berada tahap yang tinggi, lunas-lunas agama yakni akidah diambil kira oleh responden. Dapatkan yang diperoleh ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Munirah Hamzah dan Hussin Salamon (2012) yang mendapati tahap kefahaman responden terhadap konsep hukum hudud adalah tinggi.

iii. Sikap Responden Terhadap Hukum Hudud

Jadual iv: Sikap Terhadap Hukuman Hudud

Bil	Perkara	Min
1	Hukum hudud sesuai dilaksanakan pada masa ini	4.24
2	Hukum hudud dapat menyelesaikan masalah jenayah dan sosial di kalangan masyarakat	4.45
3	Negara lebih selamat sekiranya hukum hudud dilaksanakan	4.39
4	Hukum hudud seharusnya dilaksanakan secara berperingkat	3.88
5	Hukum hudud relevan sepanjang zaman	4.29
6	Hukum hudud menakut-nakutkan masyarakat	2.36
7	Hukum hudud undang-undang yang adil	4.49

8	Hukum hudud dapat mencegah seseorang daripada melakukan jenayah	4.42
9	Pelaksanaan hukum hudud bakal mengundang pelbagai reaksi di kalangan masyarakat di Malaysia	3.39
10	Hukum hudud undang-undang parti politik	1.82
11	Hukum hudud bersifat kejam	1.71
12	Hukum hudud sebagai umpan meraih sokongan politik	1.80
13	Isu hudud bersifat sementara	2.04
14	Hukum hudud memberi impak negatif kepada masyarakat bukan Muslim	2.50
15	Kuasa pelaksanaan hudud terletak pada pemimpin	3.54

Merujuk kepada jadual iv di atas, didapati bahawa majoriti responden meyakini bahawa hukuman hudud bersifat relevan dan ia sesuai dilaksanakan pada masa kini. Sekaligus, responden mengakui bahawa isu-isu yang berhubung dengan masalah jenayah sedikit sebanyak dapat diselesaikan. Ini bermakna negara lebih berada dalam keadaan lebih selamat dengan adanya hukuman hudud. Biarpun begitu kebanyakkan responden juga merasakan hukuman hudud perlu dilaksanakan secara berperingkat dengan min yang diperoleh sebanyak 3.88. Selanjutnya, hasil dapatan menunjukkan responden darjah persetujuan responden berada pada tahap sederhana bagi item 6, 9, 14 dan 15 berada pada tahap yang sederhana dengan nilai min antara 2.34 hingga 3.66. Justeru, terdapat dalam kalangan responden merasakan hukuman hudud mampu menggerunkan masyarakat yang pastikan akan mengundang pelbagai reaksi. Mereka juga merasakan hukuman hudud akan mendapat reaksi negatif dalam kalangan masyarakat bukan Muslim. Responden juga mengakui bahawa kekangan dalam melaksanakan hukuman hudud disebabkan kuasa terletak di tangan pemimpin.

Bagi item yang ke 10 dan ke 13, majoriti responden tidak bersetuju menyatakan hukuman hudud merupakan ‘undang-undang’ yang dibentuk oleh parti politik dengan min yang bersetuju hanya 1.82 manakala kebanyakkan responden juga tidak dapat menerima bahawa hukuman hudud adalah bersifat sementara dengan min yang diperoleh hanyalah 2.04. Begitu juga bagi item 11 dan 12, responden majoriti responden menyangkal bahawa hukuman hudud bersifat kejam dengan min 2.50 dan ia dijadikan agenda bagi sesebuah parti politik dengan min 1.80.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, dapat dijelaskan bahawa kakitangan hospital memberi respon yang positif terhadap pelaksanaan hukuman hudud khususnya di negeri Terengganu. Selain daripada tuntutan agama, responden menyakini bahawa masalah-masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat Muslim hanya boleh dibasmi melalui pemeriksaan pelaksanaan undang-undang Islam khususnya undang-undang hidup. Mengambil kira masih ada dalam kalangan masyarakat merasa kabur tentang hukum hudud, responden berpandangan hukuman ini dilakukan secara berperingkat.

KESIMPULAN

Pelaksanaan hudud sebagai bahagian daripada pelaksanaan syariat bukan hanya urusan para fuqaha dan ahli undang-undang, tetapi urusan kolektif pelbagai pihak: penguasa, ahli politik, pentadbir, pendakwah, pendidik, ilmuwan, cendekiawan dan lain-lain. Para penguasa harus berusaha menggunakan kuasa mereka sejauh yang dimungkinkan oleh realiti tempat, masa dan kemampuan. Pendakwah dan pendidik harus berjihad membina generasi dan umat Islam yang komited, berjiwa dan berfikrah Islamiah. Para ilmuwan dan cendekiawan harus berjuang membasmi kejahilan dan kekeliruan masyarakat tentang hakikat syariat termasuk hukum hudud. Masyarakat umumnya harus disedarkan bahawa perjuangan mendaulatkan syariat tidak hanya sebatas melaksanakan hukum jenayah, tetapi mencakupi daerah yang lebih luas, meliputi segala usaha ke arah kehidupan berkualiti (*hayatan tayyibah*) yang penuh barakah, adil dan sejahtera, bermaruah dan berakhlaq mulia.

RUJUKAN

- Al-Qarafi, Ahmad Ibn Idris. 1925. al-Furuq, Mesir: Dar al-Ihya' al-Kutub al-^cArabiyyah.
- Abdul Monir Yaacob. 2009. Perlaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian. *Jurnal Fiqh*, No. 6: hlm 1-20.
- ^cAudah, ^cAbd al-Qadir. 1992. al-Tasyri^c al-Jina^ci al-Islami Muqaranan Bi al-Qanun al-Wad^ci, Beirut: Muassasah al-Risala.
- Ahmad Atory Husain dan Malike Brahim. 2006. Politik Pentadbiran Di Malaysia: Penilaian Pegawai Awam Terhadap Dasar Politik Dan Kepimpinan Nasional *Jurnal Kemanusiaan* 8. Hlm 92-112.
- Ibnu Manzur. *Lisān al-^cArab lil iman al-alamat Abi al-Fadli Jamal al-Din Muhammad bin Makram*. Beirut: Dar al-Sadir, 2001.
- Che Latifah Ismail, Mohd Nasir Abdul Hamid dan Mohd Shah Razali. 2008. Jenayah Syariah Di Kalangan Remaja Negeri Perlis. Arau: RMI UiTM Perlis.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison K. 2000. *Research Methods in Education* (5th Edition). London: Routledge Falmer.
- Hung, Helen Ting Mu. *The Politics of Hudud Law Implementation in Malaysia*. No. 4. The ISEAS Working Paper Series, 2016. No. 4, pp. 1-18.
- Junaidi, Juhazren, and Aminuddin Ruskam. 2003. *Sikap Pelajar Terhadap Pelaksanaan Undang-undang Islam Di Malaysia. Kajian Ke Atas Pelajar Bukan Muslim Di Fakulti Pendidikan, UTM*. Disertasi Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan. 2010. ed. Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

- Mansor Sulaiman. 2011. Konsep Maslahah 'Dalam Undang-undang Jenayah Islam dan Pembentukan Masyarakat Yang Baik: Tinjauan Khusus Terhadap Hukuman Hudud. UMP. 1-17.
- Mohd Hashim, Mohd Izahar Ariff dan Alias Azhar. 2010. Prinsip dan model negara Islam: Definisi dan aplikasinya di Malaysia. *Journal of Governance and Development* 6 (2010): hlm 53-68.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. 2018. Hukuman Terhadap Tindakan Murtad Dalam Perspektif Masyarakat Majmuk Dan Keamanan Negara *Jurnal Hadhari: An International Journal* 10, no. 2: hlm 191-203.
- Mohd Noor Deris, 2014. Hudud Kelantan Dan Pengislahannya. *Jurnal Syariah* 7.1, 67-78.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir. 2001. *Pengenalan kepada analisis data berkomputer SPSS 10.0 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing
- Mustafâ Ibrâhîm; ^cAbd al-Qâdir, Hamid; al-Zayyât, Ahmad Hasan & al-Najjâr, Muhammad ^cAli. 1989. *Al-Mu^cjam al-Wâsit*. Beirut: Dâr Ihyâ' al-Turâth al-^cArabî.
- Nur Farhana Abdul Rahman dan Nur Solehah Shapiee. 2018. Autoriti Agama di Malaysia: Kedudukan dan Kritikan. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 14: (Dec.) hlm 72-85.
- Paizah Ismail. 2008. Kaedah Pembuktian Dalam Kes Hudud. *Jurnal Fiqh* 5. Hlm 23-46.
- Paizah Ismail. 2007. Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4. Hlm 237-250.
- Siti Zubaidah Ismail. 2014. Hudud Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Kerangka Perlembagaan Dan Sistem Perundangan "Dualisme": Komitmen Pelaksanaan Ke Arah Membendung Jenayah Di Malaysia. *Jurnal Syariah* 22.2. Hlm 193-212.
- Zaini Nasohah. 2004. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia: Sebelum Dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Ab. Rahman, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali dan Mohd Ali Mohd Yusof. 2008. Pandangan Masyarakat Islam Terengganu Terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariat (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002. *Jurnal Islam & Masyarakat Kontemporari* J.2. Hlm 115-123.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Hj Ismail, Mohd Kamil Abd Majid dan Nor Hayati Md. Dahlal. (2010). Batu Bersurat Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam. *Jurnal Fiqh*, 7. Hlm 107-148.
- Steiner, Kerstin. (2018). Malaysia at the crossroads? The Never-Ending Discourse Between Islam, Law, And Politics. *Journal of Religious and Political Practice* 4, no. 3: Hlm 256-277.